

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Ramai _____ turun padang untuk menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa banjir.
- A wartawan C sukarelawan
B sasterawan D cendekiawan

Soalan 2

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 2 I Rasa kuih *cara* yang dibuat oleh ibu sedap sekali.
II Damia sedang memikirkan pelbagai *cara* untuk menyelesaikan masalah rakannya, Adani.
III *Cara* batik sutera yang dibuat di kilang itu sangat cantik dan berkualiti.
IV Pelbagai *cara* telah dipertandingkan sempena hari sukan sekolah.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 3

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Rancangan Suhaila untuk melancong ke luar negara bergantung pada keadaan semasa.

- A digantungkan pada
B bergantung kepada
C bergantung dengan
D bergantung pada

Soalan 4

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 4 **Punca utama kenaikan suhu dunia ialah penebangan hutan yang tidak terkawal untuk tujuan pembangunan negara.**
- A Kenaikan suhu boleh dielakkan sekiranya penebangan hutan untuk tujuan pembangunan negara dapat dikawal.
B Kenaikan suhu dunia untuk tujuan pembangunan negara menjadi punca penebangan hutan.
C Penebangan hutan yang tidak terkawal untuk tujuan pembangunan negara menjadi punca utama kenaikan suhu dunia.
D Kenaikan suhu yang tidak terkawal untuk tujuan pembangunan negara menjadi penyebab utama penebangan hutan.

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Ayah menghadiahkan saya sebuah basikal.
II Zarul tidak dapat menghadiri majlis itu.
III Kakak merenjis pokok bunganya pada setiap petang.
IV Asma adalah penyakit yang berkait rapat dengan keturunan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

6

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

Peribahasa ini bermaksud

A sanggup berkorban masa dan tenaga

- B kerjasama yang erat antara masyarakat membawa kebaikan bersama
- C memilih sesuatu hendaklah berhati-hati, jangan sampai terbuang benda yang berguna
- D sebaik mana pun tempat atau negara lain, tempat atau negara sendiri lebih baik dan selesa

Bahagian B

- 1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Pekerja itu sedang memperindah taman rekreasi dengan memangkas pokok renik.

(b) Gambar percutiannya di Pulau Pangkor disusun dengan kemas dalam elbum.

- 2 Dalam petikan di bawah ini, terdapat tiga kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Gunung Kinabalu yang terletak di Sabah, Malaysia adalah puncak paling tertinggi di Malaysia dan di Asia Tenggara. Ketinggiannya mencecah 4095 meter daripada aras laut. Pemandangan di kaki Gunung Kinabalu terlalu indah.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____

- 3 Lihat bahan di bawah dengan telitinya. Berdasarkan bahan tersebut, tulis peribahasa yang sesuai.



Jawapan: _____
